



SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA	
TARIKH	:	25/3/2021	MUKA SURAT : 36
JABATAN	:	TNB	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

LSS TNB pameran prestasi konsisten

Utusan Malaysia - Ekonomi 25/3/2021 M/S 36

PETALING JAYA: Ladang solar berskala besar (LSS) pertama Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Sepang telah merekodkan lebih jumlah tenaga maksimum yang diisytiharkan untuk dua tahun berturut-turut.

Kejayaan itu hasil penguasaan loji secara pintar dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) serta teknologi analisis data.

Menurut Pengarah Urusan Tenaga Renewables Sdn. Bhd. (TRe), Mohd. Yusrizal Mohd. Yusof, pada tahun pertama pengoperasiannya 2019, LSS telah merekodkan lebih tenaga yang diisytiharkan kepada penerima iaitu TNB sebanyak enam peratus atau lebih daripada 110,000 megawatt jam (MWh).

Beliau berkata, prestasi yang baik itu turut diulangi tahun lalu dengan penjumlahan tenaga



NAWAWI Ahmad (Kiri) dan N. Rawisandran melihat dengan lebih dekat panel solar fotovoltaik di LSS, Sepang, baru-baru ini.

berjumlah 108,900 MWh atau lima peratus daripada yang diisytiharkan.

"Kami berjaya mengoptimumkan operasi ladang solar ini

dengan menggunakan teknologi pemantauan dan analisis data," katanya dalam kenyataan semalam.

TRe merupakan anak syarikat

milik penuh TNB. Terdahulu, Ahli Lembaga Pengarah TNB, Datuk Ir. Nawawi Ahmad dan Datuk N. Rawisandran telah melawat tapak solar berkenaan, minggu lalu.

Mohd. Yusrizal berkata, teknologi itu antara lain membolehkan TNB mengenal pasti waktu paling sesuai untuk membersihkan panel solar berdasarkan tahap penjumlahan tenaga dan ramalan cuaca.

Jelasnya, menerusi penguasaan teknologi analisis terkini (pengotonomian pembersihan), syarikat dapat mencapai penjimatan kos operasi tahunan sehingga RM160,000.

"TRe komited menggunakan penyelesaian inovatif bagi membangunkan keupayaan TNB untuk menjadi pengurus serta pemaju aset RE terkemuka di Malaysia dan rantau ini," katanya.

Terletak di Mukim Tanjung

12, Kuala Langat, ladang solar berkapsiti 50 megawatt (MW) dilengkapi dengan 238,140 panel fotovoltaik.

Sementara itu, Rawisandran berkata, penggunaan teknologi terkini di ladang solar itu membolehkan TNB memaksimumkan kecekapan ladang itu dan menjana lebih banyak tenaga bersih bagi grid nasional.

Kedua-dua LSS Sepang dan LSS Bukit Selambau telah di-anguteraikan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) kini Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menerusi Suruhanjaya Tenaga, melalui Program Bidaan Kom-petitif LSS 1 dan 2.

TNB adalah satu daripada 30 syarikat yang disenarai pendek oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk pembidaan pembangunan projek solar berskala besar 4 (LSS 4)@MENTARI.